

5/12/2008 (Jumaat)

RM20j diperlu baiki perparitan

Oleh MUHAMAD ZAID ADNAN

KUCHING 5 Dis. - Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) memerlukan peruntukan sejumlah RM20 juta bagi memperbaiki masalah perparitan di beberapa kawasan pentadbirannya. Datuk Bandar MBKS, James Chan berkata, masalah banjir kilat yang berlaku di kawasan pentadbirannya itu memerlukan kerja-kerja pembaikan sistem perparitan di situ. Menurutnya, salah satu penyelesaian yang telah dikenalpasti bagi menyelesaikan masalah itu ialah dengan pelaksanaan Fasa Kedua Skim Tadahan dan baik pulih parit di kawasan Padungan yang menelan belanja RM20 juta.

"Sehubungan itu, kita akan cuba mendapatkan peruntukan daripada kerajaan bagi membiayai projek tersebut," katanya kepada pemberita di sini semalam. Turut hadir, jurutera MBKS, Law Ted Min. James berkata, beliau akan mengadakan pertemuan dengan pihak Jabatan Parit dan Saliran (JPS) bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai bantuan yang boleh ditawarkan pihak tersebut bagi menyelesaikan masalah di kawasan pentadbiran MBKS.

Kata beliau, sesi dialog itu nanti akan memberi gambaran lebih jelas mengenai masalah yang dihadapi orang ramai akibat banjir kilat di kawasan MBKS. "Kita juga tidak mahu orang ramai hanya tahu mengadu sebaliknya kita mahu mereka turut serta dalam memberi cadangan bagi mengatasi masalah tersebut," jelas beliau. Sementara itu, James memberitahu, MBKS akan mengalih pembahagi jalan di Jalan Mendu bagi membantu menyelesaikan masalah banjir kilat di situ.

5/12/2008 (Jumaat)

Kontraktor diminta utama kualiti kerja



Abdul Rahman (dua dari kiri) bersama penduduk Kampung Taun Gusi ketika melawat pembinaan jambatan laluan traktor yang telah siap dibina di Kota Belud, baru-baru ini.

KOTA BELUD 5 Dis. - Kontraktor yang melaksanakan projek kecil di bawah peruntukan Parlimen daerah ini diminta mengutamakan kualiti kerja dalam setiap projek yang dilaksanakan. Ahli Parlimen Kota Belud, Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, para kontraktor harus bersikap amanah dan jujur dengan memastikan kerja yang dilakukan menepati kualiti yang ditetapkan.

"Kualiti kerja amat penting bagi memastikan para pengguna berpuas hati dan selesa dengan kemudahan yang disediakan. "Selain itu hasil kerja yang berkualiti pasti dapat dimanfaatkan oleh para pengguna dalam jangka masa panjang," katanya ketika ditemui selepas mengadakan lawatan kerja bagi memantau pelaksanaan projek di bawah Parlimen Kota Belud di sini kelmarin. Antara projek pembangunan yang dilawati beliau ialah pembinaan gelanggang bola tampar di Kampung Peninting dan projek pembinaan jambatan laluan traktor di Kampung Taun Gusi.

Menurut Abdul Rahman, setiap kontraktor juga perlu mengikuti skop kerja yang ditetapkan bagi memastikan sesuatu projek itu berjalan dengan baik. "Keadaan sesuatu projek itu baik adalah kerana skop kerja yang tersusun dan dilaksanakan dengan baik sejajar dengan pembangunan moden. "Dengan ini segala kerja yang dilaksanakan bukan sahaja menguntungkan kontraktor tetapi memberi keselesaan kepada masyarakat," katanya.

Dalam pada itu katanya, pihaknya tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap mana-mana kontraktor yang gagal mengikut skop kerja ditetapkan. "Kontraktor yang gagal mengikuti skop kerja akan disenaraihitamkan bagi menjamin kualiti kerja di negeri ini," ujarnya.

6/12/2008 (Sabtu)

Tanah runtuh keuntungan dan tangisan

SELANG sehari selepas Bidai menulis mengenai kebimbangan hutan bandar yang semakin rakus dinodai projek perumahan, malapetaka berlaku menimpa keluarga Roslan Mohd. Jalil di Ulu Yam Perdana, di mana dua anaknya meninggal dunia tertimbus runtuh tanah rumah mereka pada kejadian pukul 5.30 pagi.

Bidai terkejut dan bersimpati dengan Roslan dan tak dapat Bidai nak katakan apa-apa. Memang ia sudah ketentuan ilahi anak-anak Roslan, Noratirah, 16, dan adiknya, Nurul Intan Sarina, 9, pergi meninggalkan mereka terlebih dahulu.

Peristiwa ini mengembalikan kerisauan Bidai mengenai keadaan tanah tinggi yang diteroka untuk projek perumahan kerana adakah ia selamat walaupun pemaju acap kali mengatakan mereka sudah mendapatkan kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA)?

Tidakkah kita ingat dan bimbang mengenai beberapa kejadian besar yang pernah menggemparkan negara.

* Kejadian Kondominium Highland Towers runtuh di Hulu Kelang, pada 11 Disember 1993, yang meragut 48 nyawa.

* Kejadian tanah runtuh yang menyebabkan 20 orang terbunuh manakala 22 cedera di jalan susur masuk ke Genting Highlands, kira-kira 200 meter dari Terowong Genting Sempah pada 3 Jun 1995.

* Kejadian tanah runtuh di lereng bukit Kilometer 303.8 Lebuhraya Utara Selatan dekat kawasan hentian rehat Gua Tempurung, Ipoh yang mengorbankan seorang pemandu lori pada 6 Januari 1996

* Kejadian banjir lumpur di Pos Dipang Kampong Sahom, Perak yang menenyapkan perkampungan Orang Asli pada 29 Ogos 1996 sehingga mengorbankan 44 nyawa.

* Malapetaka kejadian tanah runtuh yang melibatkan banglo bekas Panglima Angkatan Tentera Jeneral (B) Tan Sri Ismail Omar di Taman Hillview pada 20 November 2002 yang turut mengorbankan 8 orang.

Semua ini disebabkan kejadian lereng bukit dan aliran air bawah tanah yang turut menyebabkan struktur tanah tidak kuat. Selain itu, ketika itu juga taburan hujan yang berlainan dan lebih lebat daripada selalu. Bidai ketika semua malapetaka ini berlaku terlibat secara langsung sebagai pelapor dan di situlah timbul perasaan sedih dan pilu bila mengenangkan apa yang terpaksa dilalui oleh kaum keluarga mangsa. Bagi pemaju projek perumahan, Bidai dapat rasakan mereka tidak hiraukan semua itu. Biarlah berapa orang maut, tanah selebar mana runtuh, kerosakan harta benda bernilai jutaan ringgit musnah, mereka tidak akan hirau dan tidak akan faham situasi ini.

Bagi mereka, duit lebih penting. Projek perlu disiapkan dengan segera. Apa yang pasti, perumahan yang disiapkan perlu diserahkan kepada pembeli secepat mungkin. Bukan Bidai katakan semua, tapi segelintir dan segelintir inilah yang telah menyebabkan kesedihan dan keperluan melanda keluarga mangsa jika ada malapetaka terjadi. Sampai bila perkara ini harus

berterusan dan sampai bila kita nak melihat ada keluarga yang perlu menangis kesedihan disebabkan pemergian orang tersayang. Apa jadi dengan pelaksanaan Pelan Induk Cerun Nasional (<http://slopes.jkr.gov.my/CoreBsness/mp.htm>) yang diuar-uarkan oleh bekas Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu pada Ogos 2006?.

Menurut Samy, pelan induk itu mengandungi 10 komponen penting yang meliputi strategi dan rangka kerja sesuatu projek, jangkaan bahaya dan penilaian, amaran awal dan sistem pemantauan tepat masa, penilaian kerugian, pengumpulan maklumat, interpretasi, penyemaian dan arkib, garis panduan dan latihan, kesedaran dan pendidikan awam, langkah pengurangan kerugian, persiapan kecemasan, respons dan pemulihan serta penyelidikan dan pembangunan. Katanya nak dilaksanakan Mac tahun ini, namun sehingga kini pelan ke mana, malapetaka terus berlaku.

Perubahan kerajaan di kebanyakan negeri juga tidak menunjukkan sebarang perubahan drastik. Jadi apa yang kita tunggu lagi? Mahu melihat lebih ramai mangsa kejadian, mahu melihat lebih banyak kemusnahan harta benda dan alam sekitar atau mahu melihat lebih banyak projek perumahan di tebing tinggi dilaksanakan.

Selasa lalu, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Chuan mahukan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) diarah memantau kawasan perumahan di cerun-cerun bukit berikutan musim hujan dan tengkujuh ketika ini. Kata dia, jika terdapat sebarang masalah seperti hakisan tanah, PBT perlu mengambil tindakan segera dengan mengeluarkan amaran awal kepada penduduk.

Malah Ka Chuan turut mempersoalkan kelulusan kepada pemaju untuk membina rumah di Ulu Yam Perdana itu disebabkan pada pemerhatiannya cerun dan struktur tanah di situ tidak kukuh. Jadi di mana silapnya di sini dan kenapa kelulusan penilaian dan pembinaan itu dipersoalkan Ka Chuan?. Takziah kepada keluarga Roslan, Al Fatihah.

6/12/2008 (Sabtu)

Aliran air bawah tanah punca runtuh - Najib

Oleh RAJA SYAHRIR ABU BAKAR



NAJIB Tun Razak dan isteri, Rosmah Mansor mendengar keluhan mangsa ketika melawat kawasan tanah runtuh di Bukit Antarabangsa, semalam.

KUALA LUMPUR 6 Dis. - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kejadian tanah runtuh di Bukit Antarabangsa yang mengorbankan empat nyawa nyawa dipercayai berpunca daripada aliran air bawah tanah di kawasan berkenaan. Timbalan Perdana Menteri berkata, melalui siasatan awal, aliran air itu adalah serupa dengan punca tragedi tanah runtuh di pangsapuri Highland Towers yang berlaku 15 tahun lalu. "Ini yang paling berbahaya sekali kerana kita tidak tahu sebenarnya tanah di kawasan itu terancam. "Walaupun kawasan itu nampak seolah-olah selamat tetapi sebenarnya tidak dan kita mesti lebih berhati-hati dalam meluluskan sebarang projek pembangunan di kawasan sebegini," katanya pada sidang akhbar selepas melawat lokasi kejadian di sini hari ini.

Justeru, katanya, kerajaan mengambil pendirian tegas untuk tidak lagi meluluskan sebarang permohonan pembangunan di kawasan-kawasan lereng bukit yang berisiko tinggi. Menurutnya, beliau berharap para pemaju dapat mematuhi arahan itu dan tidak melobi untuk mendapatkan kelulusan bagi projek pembangunan di kawasan-kawasan sedemikian pada masa hadapan. Dalam perkembangan sama, Najib berpuas hati dengan kerja-kerja mencari dan menyelamatkan yang dijalankan agensi-agensi berkaitan di lokasi kejadian. Katanya, agensi kerajaan seperti polis, tentera, Pertahanan Awam (JPA 3) serta Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) menunjukkan kerjasama yang baik sepanjang kerja-kerja mencari dan menyelamatkan dilakukan. Selain itu katanya, pihak polis juga menunjukkan kecekapan mereka apabila mengeluarkan dua mangsa kejadian yang masing-masing diserang sakit jantung dan hamil dari tempat kejadian dengan menggunakan helikopter. Namun, katanya, pihak penyelamat perlu mengambil tindakan dengan penuh berhati-hati kerana kawasan itu masih belum stabil. "Kalau ada aktiviti yang boleh menggegarkan kawasan ini, ia boleh memberi kesan terhadap pergerakan tanah," jelasnya.

6/12/2008 (Sabtu)

Letupan akibat lereng runtuh - Jurutera

KUALA LUMPUR 6 Nov. - Letupan yang didengar oleh penduduk Bukit Antarabangsa sebelum tanah runtuh adalah sesuatu yang biasa berlaku akibat lereng bukit yang roboh, kata seorang jurutera kanan, Siraj Akbar Ali.

Siraj yang mempunyai 15 tahun pengalaman dalam bidang pembangunan lereng bukit berkata, runtuh lereng itu adalah akibat takungan air yang berlebihan mungkin akibat sistem perparitan yang kurang sempurna. Beliau mengulas cerita beberapa orang mangsa tragedi Bukit Antarabangsa yang mengatakan terdapat letupan seperti bunyi bom sebelum bencana itu.

Siraj, pengarah sebuah syarikat jurutera, berkata, sistem perparitan dalam pembangunan lereng bukit adalah dalam bentuk parit horizontal dalam mana air hujan mengalir keluar dan masuk ke parit monsun, sungai atau anak air hasilnya tiada air menyerap atau bertakung pada tanah di lereng bukit. "Biasanya kegagalan sistem perparitan menyebabkan penyerapan atau takungan jumlah air yang banyak pada tanah lereng yang mengakibatkan bencana". "Jurutera geoteknikal adalah pihak yang paling layak menentukan keadaan tanah dan jenis struktur yang boleh dibina di lereng," kata beliau.

Kerja geoteknik katanya, adalah untuk memahami perubahan pergerakan bahan bumi seperti tanah dan bagaimana bahan bumi di tempat terbabit memberi kesan kepada struktur yang sedang dibina di situ. Geoteknik juga melakukan siasatan tapak yang termasuk risiko kepada manusia, bangunan dan alam sekitar daripada bencana alam seperti gempa bumi, tanah runtuh dan runtuh batu, tambah

Sementara itu, seorang pemaju perumahan, **K. C. Leong**, yang juga mempunyai pengalaman luas membina rumah di lereng bukit, berkata, adalah selamat membina di kawasan seumpama itu dengan syarat langkah berjaga-jaga diambil dan teknik yang betul digunakan.

7/12/2008 (Ahad)

Kaji semua projek kawasan tinggi

PEKAN 7 Dis. - Kerajaan mengarahkan Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram) menjalankan kajian menyeluruh terhadap semua projek yang sedang dalam pelaksanaan di kawasan berisiko di seluruh negara bagi mengelakkan berulangnya tragedi tanah runtuh seperti yang berlaku di Bukit Antarabangsa, Hulu Klang.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan, mana-mana kawasan yang sedang dalam pembangunan yang dikenal pasti berisiko terutama di lereng-lereng bukit perlu dihentikan serta-merta.

Beliau juga meminta kerajaan negeri tidak lagi meluluskan permohonan projek di kawasan tanah tinggi yang dianggap berpotensi untuk berlaku kejadian tanah runtuh. "Mana-mana projek di kawasan berisiko yang belum dimulakan tidak perlu diteruskan atau tidak sepatutnya dilaksanakan sama sekali," tegasnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyerahkan 179 ekor lembu korban dan cermin mata kepada penduduk daerah Pekan di Dewan Konvensyen Sultan Ahmad Shah di sini hari ini.

Beliau mengulas tragedi yang mengakibatkan empat terbunuh manakala 14 lagi cedera setelah 14 banglo di kawasan seluas empat hektar di Taman Bukit Mewah di Bukit Antarabangsa, Hulu Klang semalam ranap selepas berlaku kejadian tanah runtuh. Kejadian kira-kira pukul 3.50 pagi itu berlaku ketika penghuni sedang tidur apabila lereng bukit yang terletak kira-kira 20 meter dari kawasan perumahan banglo Taman Bukit Mewah tiba-tiba runtuh.

Tragedi itu berlaku kira-kira 1.5 kilometer dari tapak kondominium Highland Towers yang runtuh akibat pergerakan tanah pada 11 Disember 1993. Mengulas lanjut, Najib menegaskan, pihak pemaju tidak seharusnya merayu atau mendesak kerajaan negeri supaya meluluskan projek pembangunan yang berisiko.

"Kerajaan negeri juga sepatutnya sedar kemungkinan yang berlaku jika projek-projek di kawasan berisiko diluluskan. "Jika kelulusan itu diberikan, kita tidak mendapat sebarang pengajaran daripada apa yang berlaku di Bukit Antarabangsa semalam," tegasnya.

7/12/2008 (Ahad)

Dilema pesawah Sungai Manik

Oleh ANGELINA SINYANG



Sebuah jentuai sedang melalui batas yang sempit selepas melakukan kerja-kerja menuai di sebuah ladang di Kampung Chikus, Teluk Intan, Perak.

- Gambar HANAFI KHAMIS

TELUK INTAN 7 Dis. - Kira-kira 10,000 pesawah di Mukim Sungai Manik dekat sini berada dalam dilema apabila terpaksa menggunakan jalan raya utama untuk membawa masuk jentera menuai ke kawasan sawah walaupun menyedari perbuatan itu mengundang bahaya kepada para pemandu lain.

Para pemandu kenderaan berisiko mendapat kemalangan kerana gagal mengawal kereta atau motosikal semasa cuba mengelak daripada melanggar timbunan sisa lumpur yang dijatuhkan oleh jentera menuai di atas jalan raya. Keadaan menjadi bertambah buruk apabila berlaku hujan kerana lumpur akan menyebabkan jalan raya menjadi licin, malah jalan juga banyak rosak apabila kerap kali dilalui oleh jentera berat tersebut.

Beberapa penduduk ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini memberitahu, mereka terpaksa menggunakan jalan raya utama kerana tiada pilihan selepas Jabatan Pertanian gagal menyediakan jalan ladang khusus untuk jentera menuai walaupun permohonan bagi mendapatkan kemudahan asas itu sudah dibuat sejak berpuluh tahun lalu.

Ketua Kampung Chikus, **Ismail Buyong**, 51, berkata, permohonan mendapatkan jalan ladang di kawasan pertanian di Mukim Sungai Manik sudah lama dihantar kepada Jabatan Pertanian, tetapi tidak mendapat maklum balas sehingga ke hari ini. "Difahamkan, permohonan membina jalan ladang sudah banyak kali dikemukakan kepada Jabatan Pertanian iaitu sejak berpuluh tahun lalu.

"Antara yang pernah menghantar permohonan ialah Penghulu Mukim Sungai Manik, **Jamalluddin Mohd. Nor** kira-kira tiga tahun lalu, tetapi ia tidak mendapat maklum balas sampai ke hari ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di Kampung Chikus di sini hari ini.

Setelah beberapa kali menghantar permohonan, Ismail memberitahu, Jabatan Pertanian pernah berjanji mahu membina jalan ladang sejauh beberapa kilometer dari pekan Chikus hingga ke Kampung Parit 16. Sebaik sahaja dimaklumkan berita gembira itu, katanya lagi, penduduk kampung segera menebang pokok-pokok durian dan kelapa sawit bagi membolehkan projek itu dijalankan. Bagaimanapun, kata beliau, para penduduk sekali lagi kecewa apabila pembinaan jalan itu sampai sekarang tidak dilaksanakan dan status sebenar projek tersebut tidak juga diketahui.

Seorang pesawah, **Ahmad Hasan**, 56, berkata, Jabatan Pertanian pernah membina jalan di kawasan sawah mereka, tetapi kemudahan yang disediakan itu hanya ibarat 'melepas batuk di tangga' kerana jalan yang dibuat terlalu kecil dan tidak boleh dilalui oleh jentera menuai. "Jalan yang dibina tidak boleh dilalui oleh jentera menuai kerana hanya mempunyai lebar 2.4 meter sedangkan lebar yang sesuai ialah 3.6 meter," jelas beliau.

Jamaludin Ahmad, 39, pula memberitahu, jentera menuai tidak perlu menggunakan jalan raya utama jika Jabatan Pertanian menyediakan jalan ladang di kawasan sawah penduduk. Katanya, keadaan tersebut adalah lebih selamat kerana jentera yang sarat membawa lumpur itu tidak lagi mengotorkan jalan raya yang menyebabkan berlakunya kemalangan. Setakat ini,

menurutnya, sudah banyak kes kemalangan berpunca daripada jentera menuai dilaporkan berlaku di Mukim Sungai Manik termasuk mengakibatkan kematian.

"Kemalangan terbaru dilaporkan berlaku pada Jumaat lalu membabitkan seorang lelaki warga emas menaiki sebuah basikal apabila dia dilanggar oleh sebuah kereta yang hilang kawalan ketika cuba mengelak tompokan lumpur atas jalan," katanya.

Bendahari Jawatankuasa Kerja (JKK) Kampung Chikus, **Mohd. Noor Yaakub**, 48, berkata, selain mendorong berlakunya kemalangan, pemilik jentera menuai juga berhadapan dengan masalah disaman oleh polis apabila menggunakan jalan raya utama. "Kami terpaksa mengeluarkan banyak wang untuk membayar saman apabila kerap kali disaman polis. "Bukan kami suka-suka mahu melanggar undang-undang, tetapi tiada pilihan. Jentera menuai terpaksa dibawa masuk ke sawah kerana padi masak harus dituai segera jika enggan menanggung kerugian," katanya.

Justeru, kata Mohd. Noor, seperti pesawah yang lain, beliau berharap Jabatan Pertanian mempertimbangkan segera permohonan mereka membina jalan ladang bagi membolehkan hasil keluaran padi di Mukim Sungai Manik ditingkatkan.

9/12/2008 (Selasa)

MPAJ nafi lulus projek Bukit Antarabangsa

KUALA LUMPUR 9 Dis. - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menafikan pihaknya meluluskan projek-projek pembangunan di Bukit Antarabangsa dekat sini. Pegawai Perhubungan Awamnya, Norhayati Ahmad berkata, projek berkenaan sebenarnya diluluskan oleh pihak Majlis Daerah Gombak pada tahun 1980-an sebelum tertubuhnya MPAJ.

"MPAJ hanya ditubuhkan pada tahun 1992 untuk mengambil alih tugas Majlis Daerah Gombak dan Majlis Daerah Hulu Langat. "Kami mengetahui projek itu diluluskan oleh Majlis Daerah Gombak daripada rekod yang kami ada," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kejadian tanah runtuh di Jalan Bukit Mewah, Bukit Antarabangsa Sabtu lalu yang dipercayai berlaku disebabkan oleh projek perumahan yang dijalankan di kawasan lereng bukit dan cerun. Dalam kejadian pada pukul 3.50 pagi itu, empat terbunuh dan 14 cedera setelah 14 banglo di kawasan seluas empat hektar tertimbus di tempat kejadian.

Semalam, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Hamzah Zainuddin memberitahu, kuasa untuk meluluskan projek pembangunan dan perumahan termasuk di kawasan tanah tinggi yang berisiko adalah hak kerajaan negeri iaitu di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT).

Norhayati berkata, pihaknya tidak pernah mengambil mudah dan sentiasa memantau segala projek pembangunan yang dijalankan di kawasan Hulu Kelang sejak MPAJ ditubuhkan. "Kami mempunyai jawatankuasa kejuruteraan yang akan memantau dari aspek sistem pengaliran air dan longkang. Kalau boleh kami akan memantau setiap hari terutamanya setelah menerima aduan daripada penduduk setempat.

"Kami akan cuba sedaya upaya untuk membantu mereka menyelesaikan masalah yang timbul meskipun keluasan tanah di bawah bidang kuasa kami adalah terlalu luas sehingga 143 hektar," ujarnya. Sebagai contoh, ujar beliau, MPAJ telah mengambil tindakan dengan melantik pihak kontraktor bagi kerja-kerja mengalihkan aliran longkang dan menutup sepenuhnya runtutan tanah dengan kanvas pada kadar segera jika penduduk mengadu berlakunya hakisan di kawasan mereka

9/12/2008 (Selasa)

90 projek cerun di Selangor berisiko runtuh

SHAH ALAM 9 Dis. - Selangor mempunyai kira-kira 90 projek di cerun bukit yang sedang berjalan dan berisiko berlaku tanah runtuh sekiranya tidak dipantau secara berjadual. Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, kesemua projek berkenaan diluluskan semasa pentadbiran kerajaan negeri terdahulu. Jelasnya, apa yang dilakukan kini adalah mengarahkan kesemua pemaju projek itu menyediakan laporan bulanan bagi memastikan rumah-rumah yang siap nanti selamat untuk diduduki.

"Perlu ditegaskan di sini, kerajaan negeri tidak akan teragak-agak mengkaji semula mana-mana projek jika didapati ada bukti bahawa alam sekitar dan keselamatan penduduk sekitar terancam. "Projek-projek di kawasan sensitif kepada bencana tanah runtuh akan diberi syarat-syarat yang lebih ketat," katanya dalam kenyataan akhbar yang dikeluarkan di sini.

Semalam, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Hamzah Zainuddin memaklumkan bahawa kementeriannya tiada hak untuk meluluskan projek pembangunan dan perumahan termasuk di kawasan tanah tinggi yang berisiko. Semua kuasa untuk meluluskan projek terbabit adalah hak kerajaan negeri iaitu di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT).

Menurut Abdul Khalid, peraturan melarang sebarang pembangunan di cerun kelas tiga atau bukit yang bercerun melebihi 25 darjah telah diperkenalkan sejak beliau mengambil alih pentadbiran Selangor. Beliau menambah, kerajaan negeri juga telah mengarahkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk mengetatkan pemantauan sungai di kawasan hutan simpan bagi mengelak berlaku bencana alam yang boleh mengancam keselamatan penduduk.

9/12/2008 (Selasa)

Hentikan segala projek pembangunan

Oleh YANG CHIN MEE

KUALA LUMPUR 9 Dis. - Kerajaan diminta menghentikan projek pembangunan di kawasan tanah tinggi di seluruh negara terutama di Bukit Antarabangsa bagi mengelak insiden tanah runtuh berulang. Beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang dihubungi hari ini berpendapatan sebelum lebih banyak nyawa rakyat negara ini menjadi korban adalah lebih baik projek terbabit dihentikan.

Pengarah Eksekutif Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), **Dr. Loh Chi Leong** berkata, kerajaan perlu memastikan kawasan cerun bukit melebihi 25 darjah diberi keutamaan untuk dihentikan segala projek pembangunan kerana ia berisiko tinggi untuk berlaku tanah runtuh.

"Pembangunan di kawasan tanah tinggi perlu dihentikan untuk menjamin keselamatan penduduk dan mengelakkan berlakunya insiden kehilangan nyawa dan harta benda tidak diingini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas insiden tanah runtuh yang berlaku di Bukit Antarabangsa, Hulu Klang baru-baru ini yang mengorbankan empat nyawa. Dalam kejadian di Taman Bukit Mewah, Bukit Antarabangsa itu, runtuhannya tanah telah menimbus kawasan seluas empat hektar dan meranapkan 14 buah banglo manakala 3,000 penduduk diarahkan mengosongkan kediaman masing-masing kerana keadaan tidak selamat.

Chi Leong juga meminta kerajaan memastikan pemaju perumahan mematuhi garis panduan dengan teliti bagi mengelakkan berlaku lagi tanah runtuh yang membabitkan pengorbanan nyawa. "Kerajaan mempunyai satu garis panduan yang telah ditetapkan bagi projek pembangunan perumahan di kawasan cerun bukit, tetapi ia tidak diikuti sepenuhnya sehingga menyebabkan kejadian tanah runtuh sering berlaku di kawasan perumahan," katanya.

Sementara itu, Penasihat Persatuan Perlindungan Alam Sekitar Malaysia (EPSM), **Gurmit Singh** berkata, kerajaan perlu memastikan projek pembangunan tidak dilaksanakan di kawasan cerun bukit melebihi 25 darjah kerana ia amat bahaya. Beliau turut meluahkan perasaan kesal terhadap sikap sambil lewa sesetengah pihak dalam menangani isu tanah runtuh selama ini. "Selama ini, banyak kes sedemikian (tanah runtuh yang melibatkan kehilangan nyawa) telah berlaku, tetapi kerajaan masih meluluskan permit kepada pengusaha pembinaan untuk membina bangunan di kawasan cerun bukit.

"Saya sudah cakap banyak kali. Setiap kali ada tanah runtuh saya akan diminta untuk memberi komen, tetapi apa yang saya katakan itu semua tidak dipedulikan dan dilupakan begitu sahaja," katanya. Gurmit turut menasihati penduduk Bukit Antarabangsa yang berada di kawasan berisiko tinggi agar berpindah ke tempat lain bagi menyelamatkan nyawa diri serta ahli keluarga

tersayang. "Mereka perlu berfikir banyak kali. Mereka sudah diberi amaran tetapi masih enggan berpindah, maka tidak boleh menyalahkan mana-mana pihak sekiranya berlaku pengorbanan nyawa pada masa akan datang," jelasnya.

Naib Presiden Persatuan Pengurusan dan Penyelidikan Alam Sekitar Malaysia (ENSEARCH), **Gobinathan Kumaran Nair** turut bersetuju supaya pembangunan di kawasan bukit cerun melebihi 25 darjah dihentikan. Katanya, kebanyakan kes tanah runtuh berlaku di kawasan sedemikian malah risiko akan lebih tinggi ketika musim hujan yang kebiasaannya akan mengakibatkan pergerakan tanah. "Kerajaan harus mengambil perhatian dalam perkara ini dan berusaha menanganinya kerana ia membabitkan nyawa dan harta benda penduduk di kawasan terbabit," katanya.

9/12/2008 (Selasa)

KADA berhati-hati bekerjasama dengan swasta

Oleh **ROHANI MOHD NAWI**

KOTA BHARU 9 Dis. - Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) akan lebih berhati-hati ketika mengadakan kerjasama projek pertanian dengan pihak swasta pada masa hadapan. Pengerusinya, Tan Sri Annuar Musa berkata, kes sebuah syarikat swasta menghilangkan diri setelah berusaha mendapatkan kerjasama KADA bagi menjayakan tanaman ubi Cassava menjadi satu pengajaran kepada pihaknya.

"Ini projek swasta dan bukannya kerajaan. Syarikat terbabit menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan dua Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) pada tahun 2007, manakala KADA membantu dari segi benih dan baja sebagai galakan," ujarinya.

Beliau berkata demikian kepada *Utusan Malaysia* ketika diminta mengulas mengenai masa depan penanaman ubi Cassava setelah syarikat swasta terbabit yang berhasrat untuk melabur dalam projek tanaman itu, menghilangkan diri.

Syarikat terbabit mengetengahkan idea menjadikan ubi Cassava sebagai suatu tanaman industri untuk pasaran eksport dengan menyatakan kesediaan membina kilang memproses dengan kos dianggarkan sebanyak RM20 juta di Rantau Panjang.

Bagaimanapun, baru-baru ini, para petani mengeluh kerana bimbang berdepan dengan kerugian apabila hasil pertanian belum dapat dipasarkan setelah kilang tidak wujud dan syarikat yang menjanjikan pasaran untuk mereka itu lesap.

Annuar seterusnya berkata, bagi mengatasi masalah para petani itu, KADA telah mendapat persetujuan secara dasar daripada sebuah syarikat dari Melaka untuk membeli ubi Cassava yang ditanam oleh 95 petani di beberapa kawasan seluas 230 hektar.

"Ia bagaimanapun tentunya mengambil masa. Ada sebuah syarikat yang bakal mengambil alih pembelian ubi berkenaan, cuma perlu cari pelabur untuk memproses ubi kepada tepung. "Syarikat itu telah datang meninjau dan membuat ujian makmal, mereka berpuas hati dan cuma sedang menetapkan jadual pembelian. Jika ia berjalan lancar, program penanaman boleh diteruskan," ujarnya.

Mengenai dengan hasil pertanian itu, menurut Annuar, sebahagian daripada tanaman petani yang telah melepasi tempoh matang itu tidak rosak dan masih boleh dijual apabila pembelian dilakukan kelak. Ditanya sama ada harga pembelian itu kelak berdasarkan kadar yang ditetapkan oleh syarikat terdahulu, beliau berkata, ia terserah antara pihak penjual dan pembeli asalkan harganya setimpal.

10/12/2008 (Rabu)

PAC telah serah laporan pembelian Eurocopter kepada semua anggota Parlimen

KUALA LUMPUR 10 Dis. — Laporan mengenai cadangan pembelian helikopter Eurocopter EC725 Cougar telah diserahkan kepada semua Anggota Parlimen Khamis lepas untuk penilaian mereka, kata Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), Datuk Seri Azmi Khalid.

"Terpulang kepada Anggota Parlimen sama ada untuk membahaskan dan membuat kesimpulan masing-masing.

"Kita sudah menjalankan penelitian terhadap perkara berikut mengikut prosedur dan laporan itu dibuat secara verbatim," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat PAC di sini hari ini.

Beliau berkata, laporan berhubung pembelian Bank Antarabangsa Indonesia oleh Maybank Berhad juga akan diserahkan kepada Anggota Parlimen dalam masa terdekat.

Berhubung isu Pempena Sdn. Bhd., Azmi berkata, pihaknya masih dalam peringkat awal siasatan dan maklumat akan hanya dapat diperolehi pada akhir Disember apabila Laporan Audit Negara siap sepenuhnya.

"Buat masa ini, tiada butiran terperinci yang diperolehi. Kami tidak mahu membuat sebarang kesimpulan pada masa ini. Cuma yang kita dapat sekarang ini, adalah laporan dari PriceWaterhouseCoopers, firma audit yang dipilih Kementerian Pelancongan untuk menjalankan siasatan," katanya.

Pempena merupakan antara anak syarikat Tourism Malaysia yang didakwa terlibat dalam projek pelaburan yang diragui. - Bernama

10/12/2008 (Rabu)

Kerajaan tidak cadang beri GLC kepada swasta

KUALA LUMPUR 10 Dis. — Kerajaan tidak berhasrat untuk memberi sepenuhnya syarikat milik kerajaan (GLC) yang telah disenaraikan di Bursa Malaysia kepada sektor swasta, kata Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Kong Cho Ha hari ini.

“Pelupusan pegangan Khazanah (Khazanah Nasional Berhad) dalam GLC harus dilakukan secara berhemah, sistematik dan tersusun bagi mengelakkan harga saham dan operasi syarikat tersebut terjejas,” katanya semasa sesi soal jawab di persidangan Dewan Rakyat.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Datuk Tajuddin Abdul Rahman (BN-Pasir Salak) yang ingin mengetahui persediaan kerajaan melepaskan ekuitinya dalam GLC dan syarikat amanah kepada usahawan Bumiputera sebagai langkah mempercepatkan pencapaian matlamat meningkatkan pegangan ekuiti Bumiputera.

Selain itu, kata Kong, ia juga perlu dilakukan secara konstruktif bagi menggalakkan pencapaian agenda pembangunan nasional termasuk pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Kerajaan sememangnya mahu mengurangkan pegangannya dalam GLC sebagai objektif jangka panjangnya dan ia sudah mula dilaksanakan sejak 2004, katanya. “Kerajaan komited untuk mengurangkan pegangan dalam GLC yang dimiliki.

Khazanah masih perlu mengekalkan pegangan strategiknya dalam syarikat tertentu seperti Malaysia Airlines System (MAS) dalam usaha memelihara kepentingan syarikat dan pelabur serta pasaran modal secara keseluruhannya,” katanya.

Kong berkata, Khazanah turut menggunakan pendekatan lain untuk melepaskan pegangan ekuitinya seperti menggunakan beberapa instrumen kewangan yang inovatif seperti penerbitan Sukuk Boleh Tukar untuk melupuskan pegangannya dalam sesebuah syarikat secara sistematik.

Mengenai usaha Khazanah untuk meningkatkan peranan dan pembabitan golongan Bumiputera dalam aktiviti ekonomi, beliau berkata satu program Pembangunan Vendor Bumiputera dijalankan bagi melahirkan lebih ramai pengusaha, pembekal dan usahawan bumiputera yang berwibawa. - Bernama

10/12/2008 (Rabu)

Impak Alam - Jangan ganggu hukum alam

Oleh Raja Syahrir Abu Bakar



Solehin Kosasi menunjukkan rekahan pada bukit di sebelah pangsapuri Seri Impian, Ukay Perdana Dua, Hulu Kelang, Selangor Ahad lalu.

Terdengar suara-suara yang mengatakan kejadian ‘besar’ akibat bencana alam sama ada secara semula jadi mahupun angkara manusia kerap berlaku pada awal atau hujung tahun. Mungkin terdapat kekeliruan di situ kerana cuaca bukanlah petunjuk tepat menandakan sampainya hujung tahun mahupun bermulanya tahun baru. Apa pun persoalan itu rasanya tidak perlu dirungkai lanjut. Paling penting, sudahkah manusia belajar daripada kekhilafan dahulu? Saban tahun, tidak kira awal atau penghujungnya, Malaysia yang beriklim khatulistiwa pasti menerima kadar hujan yang tinggi.

Di kala itu juga, pelbagai kejadian tanah runtuh sama ada berskala besar atau kecil dilaporkan berlaku di seluruh negara. Kerap juga terjadinya runtuh tanah yang mengorbankan nyawa manusia tidak berdosa pada masa-masa sedemikian, namun, ia terus berlaku semacam fenomena tersebut sudah dapat dijangka atau diterima oleh para eksekutif, pemaju, pembeli rumah dan rakyat negara ini secara keseluruhannya. Terbaru, lima nyawa terkorban akibat runtuh tanah di Taman Bukit Mewah, Bukit Antarabangsa, Hulu Kelang, pada awal pagi Sabtu lalu.

Kejadian itu juga meranapkan 14 unit banglo di kawasan berkenaan serta memaksa beribu-ribu penduduk kawasan sekitar meninggalkan kediaman masing-masing, membuatkan Hari Raya Aidiladha tahun ini disambut dengan semangat keinsafan yang ekstra. Memetik kenyataan pakar geologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr. Ibrahim Komoo, kepada Mingguana Malaysia Ahad lalu, lokasi sekitar Ampang, Selangor, yang merangkumi keluasan 110 kilometer persegi termasuk Bukit Antarabangsa, Taman Melawati, Ukay dan Taman Hillview memang diketahui kawasan berisiko tinggi berlakunya kejadian tanah runtuh. Salah satu kejadian ‘besar’ di kawasan itu yang tercatat dalam sejarah ialah rebahnya sebuah blok pangsapuri Highland Towers pada tahun 1993 yang mengorbankan 48 nyawa.

Selain itu, pada November 2002, rumah banglo milik mantan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral (B) Tan Sri Ismail Omar turut ranap dalam kejadian serupa di kawasan berdekatan Bukit Antarabangsa. Menurut Ibrahim, perubahan cuaca serta kadar hujan yang selalu turun merupakan antara penyebab kepada kejadian tanah runtuh di negara ini terutama di Bukit Antarabangsa. "Penduduk sekitar pula sepatutnya sudah mengesan beberapa perubahan daripada keadaan sekitar kediaman mereka seperti rekahan di dinding atau ada batu-batu kecil yang jatuh di lereng," jelasnya yang meminta orang ramai peka dengan perubahan iklim kebelakangan ini.

Sementara itu, tinjauan Utusan Malaysia mendapati, sebilangan penduduk yang tinggal di kawasan-kawasan perumahan dalam lingkungan satu sehingga tiga kilometer dari Bukit Antarabangsa berasa bimbang jika tragedi tanah runtuh di situ turut menimpa mereka.

Mereka yang tinggal di Kampung Kemensah, Kemensah Heights dan Ukay Perdana gusar dengan keselamatan masing-masing berdasarkan projek pembangunan di sekitar kawasan itu yang dipercayai menyumbang kepada perubahan struktur alam serta bangunan sekitar. Salah seorang peneroka Kampung Kemensah, Ismail Ahmad, 90, berkata, beliau bimbang dengan keselamatan keluarganya kerana rumahnya terletak kira-kira 70 meter dari sebuah bukit yang sedang dibangunkan.

Beliau yang telah 50 tahun menetap di situ mendakwa terdapat banyak projek pembangunan di kampung itu sejak akhir-akhir ini yang melibatkan pemotongan bukit serta peralihan aliran sungai. "Saya hanya berdoa supaya kejadian tanah runtuh di Bukit Antarabangsa tidak menimpa Kampung Kemensah," katanya ketika ditemui.

Jiran Ismail, Haznizam Ngamil, 34, turut menyatakan kebimbangannya berikutan hujan lebat yang sering turun kebelakangan ini. Kata beliau, sekurang-kurangnya terdapat lima projek pembangunan di Kampung Kemensah termasuk yang melibatkan sebuah kawasan bukit kira-kira lima meter di belakang rumahnya. "Sekarang tidur malam saya tidak lena kerana hujan serta teringat tragedi (tanah runtuh) yang baru melanda Bukit Antarabangsa. "Setahu saya, kecerunan bukit yang dipotong untuk pembangunan tidak boleh melebihi 35 darjah, tetapi di belakang rumah saya nampaknya sudah hampir 90 darjah," jelasnya.

Sementara itu, seorang penduduk, Kemensah Heights, Ng Yoke Chee, 52, berharap kerajaan tidak sewenang-wenangnya meluluskan sebarang permohonan pembangunan pada masa hadapan terutama yang melibatkan cerun bukit. Selain itu, katanya lagi, sesetengah pemaju yang menjalankan projek di Kampung Kemensah dan Kemensah Heights bersikap tidak bertanggungjawab dengan mengubah aliran sungai berdekatan. "Jika ia diubah, maksudnya kita mengubah hukum alam dan ini boleh membawa kepada kecelakaan," jelasnya.

Suaminya, Kim McLoughlin, 52, yang berasal dari Perth, Australia pula memberitahu, kerajaan tempatan di negara asalnya akanewartakan setiap projek pembangunan lima tahun sebelum dimulakan bagi mendengar rintihan para penduduk di kawasan terlibat. "Jadi, penduduk

setempat bebas mengeluarkan pandangan, menyokong serta membantah sesuatu projek itu terutamanya jika ia mengancam keselamatan,” katanya.

Solehin Kosasi, 48, dari Ukay Perdana pula memberitahu, selain penemuan mata air, penduduk setempat juga risau dengan rekahan yang dikesan di sebuah bukit bersebelahan Pangsapuri Seri Impian di kawasan itu. Selain itu, katanya, pangsapuri itu yang mula diduduki sejak tujuh tahun lalu mula mendap berdasarkan rekahan yang dilihat pada kaki lima salah sebuah blok kediamannya. “Sebelum apa-apa terjadi, kami sangat berharap pihak berwajib seperti MPAJ dapat memantau tahap keselamatan para penduduk di sini,” ujarinya.

Adakah kesedaran di pihak penduduk, pemaju dan kerajaan cukup dalam menangani masalah runtuh tanah di negara ini? Menjawab persoalan tersebut, Penasihat Majlis Agama Islam Johor, Datuk Nooh Gadot mengajak kesemua masyarakat terutama penganut Islam supaya insaf dan amanah dengan tanggungjawab masing-masing.

“Di dalam al-Quran ada ayat yang menyatakan ‘maka berlakulah kerosakan di darat dan di lautan disebabkan perbuatan manusia sendiri’,” tegasnya. Beliau menambah, daripada perspektif Islam lagi, malapetaka yang melanda adalah disebabkan dua perkara utama iaitu ketentuan Allah atau istilah bahasa Arabnya qada dan qadar serta peranan manusia. Di dalam al-Quran juga katanya, ada dijelaskan mengenai pembinaan di bukit-bukit yang tidak boleh ‘ditogelkan’ 100 peratus. Katanya lagi, menurut ajaran Islam, sesuatu pembangunan itu sebaik-baiknya dilakukan di atas tanah yang mantap serta mempunyai risiko paling tinggi untuk ditimpa bencana alam.

Nooh menambah, jika sesuatu bencana itu berpunca daripada angkara manusia, ia biasanya kerana manusia melupakan ajaran agama yang menuntut untuk menghormati alam seperti dijelaskan di atas. “Selain itu, ada juga kes manusia tidak menghormati undang-undang yang dirangka manusia sendiri seperti mengingkari larangan pihak berkuasa tempatan (PBT) terutama dalam hal pembangunan tanah,” tegasnya.

Justeru, beliau meminta agar pakar-pakar dalam bidang geologi, pihak pemaju serta kerajaan supaya mengadakan perbincangan menyeluruh mengenai pembangunan di kawasan bukit, penguatkuasaan serta pemantauannya. “Alam ini ibarat sarang tebuan, jika dijolok, bukan seorang sahaja yang menerima padahnya malahan individu lain yang berada berdekatan akan turut terpalit,” katanya penuh makna.

10/12/2008 (Rabu)

Bukit Antarabangsa runtuh lagi Jun 2009?

Oleh WAN SYAMSUL AMLY

KUALA LUMPUR 10 Dis. – Pergerakan tanah yang sedang berlaku di Bukit Antarabangsa, Hulu Klang sekarang dijangka menyebabkan satu lagi kejadian tanah runtuh di kawasan itu dalam tempoh kurang daripada enam bulan selepas tragedi besar yang mengorbankan empat nyawa, Sabtu lepas. Pensyarah Jabatan Sains Ukur dan Geomatik Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof. Madya Dr. Syed Jamaludin Syed Ali berkata, pergerakan tanah itu akan mengakibatkan tragedi tersebut berulang dan kali ini mungkin lebih dahsyat lagi.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan tempoh itu akan menjadi lebih singkat seandainya tanah berkenaan bergerak lebih laju akibat dibantu faktor kekerapan hujan seperti yang sedang berlaku sekarang. “Secara logiknya pergerakan tanah sedang berlaku selepas kejadian pertama minggu lepas. Kita tidak menolak kemungkinan satu lagi kejadian akan terjadi dalam masa kurang daripada enam bulan dari sekarang.

“Pengetahuan ini memang menjadi teknik pemantauan yang digunakan pakar-pakar dalam bidang ini. Kajian sistematik juga tidak menolak kejadian tanah runtuh akan berulang lagi di sana,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas insiden tanah runtuh yang berlaku di Bukit Antarabangsa baru-baru ini yang mengorbankan empat nyawa, menyebabkan lebih 3,000 penduduk kawasan itu diarahkan mengosongkan kediaman masing-masing kerana keadaan tidak selamat.

Dr. Syed Jamaludin memberitahu, pergerakan yang berlaku di dalam tanah di kawasan itu seharusnya disedari dan tidak dinafi oleh mana-mana pihak. “Realitinya ialah tanah itu sedang bergerak dan pergerakan tersebut bakal membawa bencana susulan seandainya tiada langkah segera diambil,” katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, pihak berkuasa perlu memantau kawasan berkenaan secara berterusan dan mengkaji risiko susulan yang akan berlaku seandainya penduduk masih dibenarkan tinggal di sana. Jelasnya, sejarah sudah membuktikan kawasan itu tidak selamat dan pihak berkenaan seharusnya tidak menanggung risiko dengan terus membenarkan penempatan dibuat di Bukit Antarabangsa. “Pihak berkuasa perlu memantau dengan teliti masalah ini. Sebenarnya tiada alasan lagi untuk membiarkan risiko itu terus dibebankan ke atas penduduk di kawasan itu.

“Banyak kes sudah berlaku di sana dan banyak nyawa sudah terkorban akibat kejadian tanah runtuh. Tiada lagi orang yang perlu tinggal di sana dan terus berhadapan dengan trauma ini,” katanya. Dua pergerakan tanah dikesan kurang daripada 24 jam selepas kejadian tanah runtuh di Bukit Antarabangsa, Sabtu lalu.

10/12/2008 (Rabu)

Pencerobohan bukan bidang kuasa LKIM

SIBU 10 Dis. - Pencerobohan yang didakwa dilakukan kapal nelayan laut dalam warga asing di kawasan pesisir pantai bukan dalam bidang kuasa Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Pengurus Besar LKIM Tanjung Manis, Untong Keri berkata, pihaknya hanya mempunyai peruntukan undang-undang terhadap kapal nelayan laut dalam ketika proses pendaratan ikan di Pelabuhan Perikanan Bersepadu Tanjung Manis (PPBTM). Beliau menyarankan nelayan tempatan yang berpangkalan di Belawai menyalur maklumat tentang dakwaan itu kepada pihak seperti Jabatan Perikanan, polis marin atau Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

"Walaupun LKIM diberi tanggungjawab untuk mengurus dan mentadbir PPBTM, tetapi kuasa kami bukan menangkap atau mendenda kapal-kapal nelayan laut dalam apabila mereka menangkap ikan di zon tidak dibenarkan mereka berbuat demikian," katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Beliau diminta mengulas mengenai sungutan nelayan pesisir pantai dari Belawai, kira-kira 30 kilometer dari Bandar Baru Tanjung Manis, yang mendakwa kapal-kapal laut dalam menangkap ikan di kawasan pesisir. Menurut Untong lagi, agar tidak mengetepikan kemajuan nelayan tempatan, PPBTM turut menyediakan ponton-ponton khusus untuk mereka mendaratkan hasil tangkapan di situ. "Tidak wujud soal nelayan pesisir dipinggirkan semata-mata kita mahu memajukan industri perikanan laut dalam.

"Mungkin nelayan dari Belawai lebih gemar mendaratkan ikan di jeti-jeti di kampung kerana jika pergi ke sini (PPBTM) kos minyak mereka akan bertambah kerana perjalanan yang agak jauh," jelas beliau. Malahan hasil tangkapan di PPBTM dibeli dengan harga yang lebih rendah berbanding mereka sendiri menjual di kampung.

Untong berkata, setakat Oktober lepas, kapal nelayan laut dalam yang mendaratkan ikan di PPBTM ialah 147 buah. "Jumlah ini merupakan peningkatan yang banyak berbanding hanya 11 buah ketika pelabuhan ini mula dibuka pada Januari tahun ini," katanya.

Dasar kerajaan memberi permit kepada kapal-kapal nelayan laut dalam yang menggunakan khidmat warga asing adalah bagi menampung kekurangan nelayan tempatan dalam sektor itu. "Antara Januari hingga Oktober tahun ini pendaratan ikan yang direkodkan kita ialah sebanyak 12,143 tan. "Pendaratan ikan yang kian bertambah, berikutan pertambahan kapal-kapal nelayan kendalian warga asing," katanya.

11/12/2008 (Khamis)

Tragedi dapat dielak jika penilaian teknikal dan laporan EIA objektif, kata Najib

KUALA LUMPUR 11 Dis. — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata dalam keadaan hari ini pun, kalau sesuatu pembangunan itu dibuat berdasarkan penilaian teknikal yang objektif dan laporan Penilaian Alam Sekitar (EIA), maka kebanyakan daripada tragedi seperti yang berlaku di Bukit Antarabangsa Sabtu lepas boleh dielakkan.

Menurutnya, apa yang penting dalam hal ini ialah jangan membenarkan pertimbangan komersil dan perasaan mengaut keuntungan sehingga mengenyepikan kaedah keselamatan dan langkah penjagaan alam sekitar yang boleh membendung tragedi seperti itu berulang lagi.

Najib berkata demikian apabila diminta mengulas mengenai cadangan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (PAC) hari ini yang mencadangkan kepada kerajaan agar memperkenalkan akta baru seperti yang diguna pakai di Hong Kong berhubung pembangunan di cerun bukit.

“Kita sedia timbang segala-gala cadangan. (Tetapi) sebenarnya dalam keadaan hari ini pun, kalau kita membuat keputusan dari segi kelulusan untuk pembangunan ataupun arahan pembangunan dan (kalau) kita membuat pertimbangan (untuk kelulusan) berdasarkan kepada penilaian teknikal yang objektif dan laporan EIA...saya percaya kebanyakan dari tragedi ini boleh dapat kita elakkan,” katanya. Terdahulu, Najib melancarkan buku Taib Andak “In a Class of his Own” di sini hari ini. - Bernama

11/12/2008 (Khamis)

Hartanah di luar negara bernilai RM3.59 bilion, kata Syed Hamid

KUALA LUMPUR 11 Dis. — Dewan Rakyat hari ini diberitahu bahawa kerajaan mempunyai hartanah yang dianggarkan bernilai RM3.59 bilion di luar negara yang diselia di bawah Kementerian Luar. Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Syed Hamid Albar yang menjawab soalan bagi pihak Kementerian Luar berkata, aset hartanah itu diperolehi seawal selepas negara mencapai kemerdekaan.

“Ia telah mula dibeli seawal selepas negara mencapai kemerdekaan. Pada keseluruhannya hartanah ini menelan belanja RM578.5 juta dan telah diperolehi melalui pasaran terbuka dan juga peruntukan tanah antara kerajaan Malaysia dan kerajaan asing seperti yang diperuntukan pada tahun 2007 dengan kerajaan Republik Turki.

“Oleh kerana aset ini terletak di negara-negara berlainan, kadang kala sukar untuk mendapat anggaran yang tepat nilainya. Bagaimanapun mengikut laporan perwakilan kita di luar negara, nilai masa kini dianggarkan berjumlah RM3.59 bilion kalau dipadankan dengan nilai pasaran,”

katanya menjawab soalan asal Lim Lip Eng (DAP-Segambut) yang ingin tahu senarai aset, ekuiti dan hartanah kerajaan di luar negara.

Syed Hamid berkata, kini kerajaan memiliki 32 bangunan Canseri, 33 kediaman rasmi ketua perwakilan dan 189 unit apartmen di 43 buah negara. Beliau berkata, pembelian hartanah di luar negara adalah penting bagi mengurangkan beban kerajaan dalam menanggung kos sewaan dalam jangka masa panjang dan sekali gus mengelakkan pengaliran keluar matawang negara yang besar.

“Hartanah ini harus dimiliki secara langsung kerana dengan cara ini kedutaan besar atau Suruhanjaya Tinggi Malaysia di luar negeri dapat beroperasi di bangunan sendiri. Selain itu ia juga dapat menjimatkan kos khususnya yang berkaitan dengan sewaan dalam jangka masa panjang. “Sekiranya bangunan ini terpaksa disewa untuk dijadikan Kedutaan besar atau Suruhanjaya Tinggi Malaysia serta kediaman rasmi ketua perwakilan, maka kerajaan terpaksa bayar kos sewaan yang tinggi yang mengakibatkan aliran ringgit yang besar,” katanya. - Bernama

11/12/2008 (Khamis)

PAC cadang kerajaan guna akta ikut cara Hong Kong

KUALA LUMPUR 11 Dis. — Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (PAC) mencadangkan kepada kerajaan agar memperkenalkan akta baru seperti yang diguna pakai di Hong Kong berhubung pembangunan di cerun bukit. Pengerusi PAC, Datuk Seri Azmi Khalid berkata, akta yang digunapakai di Hong Kong, Hillside Order, antara lain mewajibkan pemilik rumah di cerun bukit membuat penyelenggaraan sendiri setiap enam bulan, menilai kedudukan cerun dan tanah dimana rumah itu dibina.

“Pemilik rumah akan melantik jurutera atau juru ukur tanah untuk menilai kedudukan rumah dan tanah. Dengan itu mereka dapat pastikan yang rumah mereka selamat untuk didiami. Tapi kos penyelenggaraan itu ditanggung pemilik rumah tersebut. “PAC hanya cadangkan kepada kerajaan mengenai penggunaan akta Hillside ini. Tetapi ia terpulang kepada kerajaan untuk terima atau tidak. Pembinaan rumah di cerun ini membabitkan kos yang tinggi,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke tapak tanah runtuh di Taman Bukit Mewah, Bukit Antarabangsa, dekat Hulu Klang hari ini.

Azmi berkata, penggunaan Hillside Order, sekiranya diguna pakai di Malaysia, perlu diselaraskan dengan perubahan cuaca negara yang tidak sama dengan Hong Kong. Beliau berkata ,PAC akan mengadakan perbincangan dalam masa terdekat sebelum mencadangkan akta baru itu dan berharap agar kerajaan pusat dapatewartakan akta yang lebih tegas untuk diguna pakai kerajaan negeri atau kerajaan tempatan.

“PAC berpendapat pada masa akan datang tidak perlu sebarang pembinaan di lereng bukit, kerana ia mengundang bahaya kepada penghuninya. Akta Cerun harus diwartakan segera untuk mengelakkan banyak lagi tragedi tanah runtuh. “Negara kita sudah ada badan penilaian alam sekitar seperti Penilaian Kesan Alam Sekitar dan akta seperti Akta Pemuliharaan Tanah 1965. Tetapi pelaksanaan yang tegas tidak wujud dan garis panduan yang disediakan masih samar,” katanya, sambil menambah kerajaan perlu tegas dalam menilai kelemahan yang wujud dalam pelaksanaan akta alam sekitar.

Azmi berkata sebarang pembinaan di kawasan meliputi lebih 20.24hektar harus mendapat kelulusan badan Penilaian Kesan Alam Sekitar tetapi ia tidak perlu bagi pembinaan yang kurang dari 8.096hektar. Ini, katanya, menyebabkan pemaju perumahan di lereng bukit atau cerun lebih gemar pembinaan di keluasan tidak lebih 8.096 hektar. - Bernama

12/12/2008 (Jumaat)

Projek di cerun lebih 35 darjah tidak dibenarkan

Oleh NORLIZA ABD. RAHMAN

PUTRAJAYA 12 Dis. – Kementerian Wilayah Persekutuan hari ini memutuskan untuk tidak membenarkan sebarang pembangunan di kawasan bercerun melebihi 35 darjah.

Menteri berkenaan, Datuk Seri Zulhasnan Rafique berkata, selain itu, kementeriannya juga membekukan pembangunan di kawasan bercerun 26 darjah hingga 35 darjah sehingga satu perancangan, reka bentuk dan sistem kawalan sempurna diwujudkan serta dikuatkuasakan oleh kerajaan.

“Bagaimanapun, bagi projek-projek yang sedang dalam pembinaan, pemaju dan kontraktor akan diarah supaya melaksanakan kerja-kerja pengukuhan struktur tanah termasuk mengadakan sistem saliran yang sempurna,” katanya pada sidang akhbar di kementeriannya di sini hari ini.

Zulhasnan berkata, arahan tersebut bertujuan memastikan keselamatan penduduk, harta benda dan kawasan sekitar terjamin.

Katanya, bagi projek-projek di kawasan lereng bukit yang telah diluluskan dengan Perintah Pembangunan, tiada kebenaran kerja-kerja tanah dan bangunan akan diberikan sehingga satu keputusan dikeluarkan oleh kerajaan.

Zulhasnan berkata, sebagai langkah jangka panjang, agensi-agensi di bawah kementerian itu akan melakukan pemeriksaan berkala yang diperuntukkan dalam Seksyen 85A Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).

Peruntukan tersebut, jelasnya, mengkehendaki pemilik bangunan melebihi lima tingkat yang telah mendapat perakuan menduduki bangunan melebihi 10 tahun mengadakan pemeriksaan berkala bagi memastikan ia selamat didiami.

Selain itu, katanya, kementerian juga akan menubuhkan unit khas untuk mengawal selia kawasan yang berisiko berlakunya tanah runtuh dan jerlus dengan dianggotai jurutera, arkitek, pegawai perancang bandar, arkitek lanskap, pegawai alam sekitar dan juruukur bangunan.

Unit tersebut, kata beliau, akan menjalankan penyiasatan secara menyeluruh untuk mengesan kawasan-kawasan yang mempunyai tanda-tanda awal berlaku tanah runtuh dan jerlus supaya tindakan awal dapat segera diambil.

Dalam pada itu, Zulhasnan berkata, tiga projek berisiko di Kuala Lumpur telah dikenal pasti iaitu pembangunan 21 unit banglo di Medan Damansara, pembangunan satu blok pangsapuri servis di Persiaran Raja Chulan, Bukit Ceylon dan pembangunan skim banglo di Bukit Gasing.

Katanya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengeluarkan arahan kepada pemaju projek di Medan Damansara dan Bukit Ceylon untuk tidak meneruskan kerja-kerja pembangunan sebaliknya melaksanakan kerja-kerja pengukuhan cerun seperti yang telah diluluskan.

“Di Bukit Gasing, DBKL telah menangguhkan pertimbangan terhadap permohonan untuk mendirikan rumah banglo individu memandangkan ia kini merupakan kes mahkamah di mana penduduk telah meminta permohonan mahkamah untuk membatalkannya,” ujar beliau.

13/12/2008 (Sabtu)

DBKL kesan projek pembangunan cerun berisiko

KUALA LUMPUR 13 Dis. — Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang berusaha mengesan projek pembangunan yang dijalankan di kawasan bercerun melebihi 35 darjah di sekitar Kuala Lumpur bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.

“Sekiranya DBKL kesan ada pembangunan di kawasan bercerun, maka kami akan meminta Datuk Bandar untuk mengarahkan pemaju menghentikan projek itu serta merta,” kata Ketua Pengarah DBKL Datuk Salleh Yusup kepada pemberita selepas melancarkan Karnival Rakan Taman DBKL 2008 di sini hari ini.

Sehingga kini, katanya, tiga projek pembangunan kawasan cerun di sekitar KL telah dikenal pasti berisiko iaitu pembangunan 21 unit banglo di Medan Damansara, pembangunan satu blok pangsapuri di Bukit Ceylon dan pembangunan skim banglo di Bukit Gasing.

Kementerian Wilayah Persekutuan semalam memutuskan untuk tidak membenarkan sebarang pembangunan di kawasan bercerun melebihi 35 darjah dan membekukan pembangunan di kawasan bercerun 26 darjah hingga 35 darjah sehingga suatu perancangan, reka bentuk dan sistem kawalan yang sempurna dapat diwujudkan serta dikuatkuasakan oleh kerajaan.

Ketiga-tiga projek itu diluluskan sebelum ini kerana didapati mematuhi Garis Panduan Pembangunan Kawasan Tanah Tinggi dan Garis Panduan Pembangunan Kawasan Bukit 1994, manakala langkah untuk membekukan projek tersebut adalah untuk mengelak insiden kejadian tanah runtuh, seperti yang berlaku baru-baru ini di Bukit Antarabangsa dan di Jalan Semantan, Kuala Lumpur.

Mengenai pelantikan Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Ahmad Fuad Ismail sebagai Datuk Bandar KL yang baru, Salleh berkata seluruh warga DBKL akan memberi sokongan penuh kepada Ahmad Fuad dan akan menerima segala perubahan yang dibawahnya demi kebaikan rakyat.

“Semua pemimpin ada cara pentadbiran mereka yang tersendiri, Datuk Bandar barupun mungkin ada cara kepimpinannya yang tersendiri bagi membawa perubahan dan kebaikan kepada rakyat. Jadi kami warga DBKL akan memberi sokongan yang penuh kepada beliau demi kebaikan rakyat,” katanya.

Mengenai program Rakan Taman DBKL pula, Salleh berkata ahli yang berdaftar di bawah program berkenaan akan menikmati pelbagai manfaat ketika melawat taman awam di sekitar KL.

“Kita ada 12 taman awam yang berskala lebih 20 hektar di KL, ahli-ahli rakan boleh menikmati pelbagai faedah seperti mendapat diskaun di taman-taman yang mengenakan bayaran seperti taman rama-rama di Tasik Perdana dan sebagainya.

“Antaranya taman Tasik Perdana, taman Tasik Titiwangsa, taman Tasik Permaisuri, taman Antarabangsa Bukit Jalil, taman Manjalara, taman Metropolitan Kepong, taman Metropolitan Batu dan taman Tasik Pudu Ulu,” kata beliau.

Beliau berkata DBKL mensasarkan 10 peratus daripada 1.7 juta penduduk KL berdaftar sebagai ahli dalam masa lima tahun akan datang.

13/12/2008 (Sabtu)

Impak Alam - Tanah runtuh antara arahan dan keuntungan

Kebetulan atau jangkaaan? Dua tulisan Bidai berakhir dengan kenyataan. Lebih buruk, tulisan terakhir Bidai minggu lepas berlangsung sama hari dengan malapetaka yang menimpa

penduduk Bukit Antarabangsa. Apa pun ia bukanlah satu kebetulan dan Bidai pula bukanlah seorang yang pandai berfirasat dalam menentukan apa-apa. Yang menentukan semua itu adalah Allah semata-mata dan Bidai turut berharap penduduk yang terlibat dengan kejadian itu supaya banyak bersabar.

Ikut arahan pihak berkuasa yang sedang bertungkus lumus membantu mereka yang malang. Bidai pasti ketika ini ramai yang bersengketa dan untuk itu lahirlah perasaan tidak puas hati terhadap sesiapa sahaja. Maklumlah, ia bukanlah satu kerja yang mudah. Mereka bekerja siang dan malam dalam tekanan. Mangsa pula menanti dengan harapan dan kadangkala terjadilah pergaduhan.

Bidai harap semua pihak bersabar dalam menempuh dugaan ini. Ketentuan Ilahi tidak boleh kita sangkal dan terpaksa redha. Dan kejadian ini juga telah menyebabkan pemimpin mula bersuara. Paling drastik, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, telah mengeluarkan larangan penuh terhadap sebarang bentuk pembangunan dan projek perumahan di kawasan lereng dan puncak bukit yang berisiko tinggi di seluruh negara.

Perkara yang sama juga pernah diarahkan oleh mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed, ketika tragedi Highland Towers pada 11 Disember 1993. Dr. Mahathir yang turut geram dengan kejadian itu berkata, dia kesal kerana pemaaju tidak sensitif selain tidak bertanggung jawab dan tamak. Malah Tun telah mengeluarkan arahan supaya mana-mana projek yang dianggap berbahaya perlu dihentikan dengan segera. Memetik kata-kata Tun ketika itu: "Kita terpaksa buat keputusan dengan cepat. Kita tidak ada masa untuk mengkaji siapa sebenarnya yang berkuasa, tetapi yang penting, projek berkenaan perlu diberhentikan secepat mungkin."

Dan kira-kira 15 tahun tragedi Highland Towers itu, Pak Lah, 10 Disember lalu turut mengutarakan kata-kata ini mengenai kejadian yang berlaku tidak sampai 1 kilometer dari Highland Towers: "Kerajaan melarang sepenuhnya sebarang bentuk projek pembangunan dan perumahan di kawasan lereng dan puncak bukit yang berisiko tinggi di seluruh negara. Malah, kerajaan tidak akan beri sebarang kelulusan kepada mana-mana pemaaju perumahan yang ingin membina projek di kawasan tanah tinggi. Kerajaan tidak mahu kejadian tanah runtuh berulang dan apa yang terjadi memang amat dikesali."

Bidai dapat rasakan puas sudah para pemimpin bercakap mengenai hal ini namun, bagi Bidai, kerakusan mengaut untung tanpa menghiraukan kesengsaraan yang bakal dialami oleh orang ramai mengatasi segala-galanya. Pada mereka, keuntungan itu lebih penting dan arahan merupakan arahan semata-mata, ye lah, bila wang ringgit sudah mengabui mata, semua tidak dihiraukan sehinggakan sanggup menyetepikan soal keselamatan. Pada Bidai, biarlah apa juga cara digunakan, termasuklah sains berteknologi tinggi, namun tidak akan dapat mengatasi hukum alam dan ketentuan Allah.

Bukit dan sungai dijadikan mempunyai sebab dan bukan untuk sebarang perhiasan muka bumi yang boleh diteroka sesuka hati tanpa memikirkan soal impak alam yang bakal terjadi. Apa pun,

janganlah kita menuding jari menyalahkan orang lain kerana satu jari memang menunjukkan ke arah mereka yang dipersalahkan, tetapi empat jari lagi akan menuding ke arah kita. Apa yang perlu, kita sama-sama fikirkan dan renungkan apa yang sudah kita lakukan sehingga kini yang menyebabkan malapetaka ini berlaku.

Bagi Bidai ia bukan kebetulan, tetapi sudah dijangkakan,

Fikirkanlah...

15/12/2008 (Isnin)

LKIM sedia kerjasama pecah monopoli pemborong

KOTA KINABALU 15 Dis. - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bersedia bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan lain bagi melaksanakan aktiviti pemborongan ikan secara langsung dalam usaha memecahkan monopoli harga yang dikuasai pemborong swasta.

Pengerusinya, Datuk Abdul Rahim Ismail berkata, langkah berkenaan amat tepat dilaksanakan sekiranya pemborong masih berkeras untuk tidak menurunkan harga ikan berikutan harga diesel telah diturunkan.

"Harga ikan yang mahal bukannya berpunca daripada nelayan kerana apabila sampai kepada pemborong harga telah banyak berbeza.

"Jadi bagi saya usaha ini satu pelan dan perancangan yang baik, kita sokong kerana kita lihat harga minyak diturunkan tetapi harga ikan tidak juga diturunkan.

"Bagaimanapun sebelum dilaksanakan kita perlukan kajian terperinci termasuk memastikan peranan setiap agensi supaya dapat dilaksanakan berterusan dan tidak hanya bermusim," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, di sini hari ini.

15/12/2008 (Isnin)

Bimbang pangsapuri mendap

Oleh AZIAN AZIZ



SEMAKIN BESAR... Penduduk mendakwa keretakan pada tapak pangsapuri Taman Permai Indah di Pandamaran semakin membesar tetapi pemeriksaan atau tindakan membaikinya diambil oleh pihak berkuasa.

PELABUHAN KLANG 15 Dis. - Kira-kira 2,000 penduduk di empat blok pangsapuri 11 tingkat, Taman Permai Indah, Pandamaran di sini hidup dalam kebimbangan kerana tapak di sekeliling bangunan kediaman mereka yang diduduki sejak empat tahun lalu retak teruk dan ada yang telah mendap.

Lebih merisaukan mereka ialah permukaan jalan raya di hadapan blok pangsapuri yang terletak hanya beberapa meter dari Sungai Aur juga mula mendap ke arah sungai tersebut dan dikhuatiri akan menjejaskan bangunan kediaman mereka.

Menurut Pengerusi Penduduk Taman Permai Indah, **Mohd. Azli Jaafar**, 31, blok yang paling teruk retak ialah blok A serta C dengan blok A juga telah mula mendap. Beliau mendakwa, keretakan pada tapak bawah bangunan tersebut dan perubahan pada permukaan jalan raya pula mula disedari sejak dua tahun lalu dan kini keadaannya makin ketara.

Tambah beliau, Sungai Aur di hadapan blok pangsapuri mereka yang dulunya hanya sungai kecil kini telah bertambah besar akibat hakisan dan apabila hujan lebat air akan melimpah sehingga ke permukaan jalan.

"Kami risau dengan keselamatan diri dan keluarga jika perkara seperti runtuh bangunan berlaku terutama di blok A kerana blok tersebut jika diperhatikan betul-betul sudah senget sedikit dari kedudukan asal. "Kami tak mahu perkara seperti yang berlaku di Bukit Antarabangsa berlaku kepada kami di sini dan kami juga tidak mampu untuk membeli rumah lain kerana kami bukan orang senang.

"Jadi kami merayu agar sesuatu dilakukan oleh pihak kerajaan negeri dan pusat iaitu dengan membuat pemeriksaan secara menyeluruh terhadap bangunan di sini bagi memastikan ia selamat diduduki," kata beliau yang juga merupakan penghuni di blok C.

Kata Mohd. Azli, selain masalah bangunan retak dan mendap, banyak lagi masalah yang berlaku di pangsapuri itu yang memerlukan perhatian kerajaan seperti lif yang sering rosak, lif kecemasan tidak berfungsi sejak tiga tahun lalu, rumah kosong yang menjadi sarang penagih dan maksiat serta 20 meter padu air percuma yang tidak diterima oleh penduduk hingga kini.

Sementara itu, salah seorang penduduk di blok A, **M. Kalimuthu**, 29, berkata, dia sentiasa merasa bimbang apabila melihat kesan keretakan pada bangunan tempat tinggalnya yang terlalu banyak. Bekerja sebagai peniaga kecil-kecilan, Kalimuthu memberitahu, untuk membeli rumah di tempat lain untuk keluarganya, dia memang tidak mampu dan terpaksa dia sekeluarga berhadapan dengan kebimbangan itu setiap hari. "Saya telah dua tahun duduk di sini dan pada pemerhatian saya keretakan yang berlaku semakin teruk.

"Yang paling membimbangkan saya dan jiran-jiran ialah bangunan kami mula mendap dan kami bimbang jika sesuatu yang lebih buruk akan berlaku," katanya yang tinggal di tingkat satu pangsapuri yang dibelinya sejak dua tahun lalu dengan bayaran RM300 sebulan.

Bagi **Wan Norasyikin Wan Kassim**, 26, pula, dia yang menumpang di rumah makciknya di tingkat 4 bangunan blok A mula bimbang apabila melihat permukaan jalan raya di hadapan blok kediamannya mula mendap ke arah sungai.

"Dua tahun lalu jalan raya ini masih elok tetapi makin lama makin menurun ke arah sungai dan selepas itu tapak bangunan pula mula retak-retak dan ia semakin teruk. "Saya minta supaya pihak yang bertanggungjawab membuat sesuatu sebelum perkara buruk berlaku. "Kalau boleh betulkan, minta tolonglah segerakan kerana saya juga rasa takut," katanya yang bekerja di sebuah syarikat swasta.


Seorang lagi penduduk, **Lim Chong Teik**, 27, pula risaukan keadaan rumahnya yang mula dimasuki air dari atas. Menetap di tingkat enam pangsapuri itu, Chong Teik yang merupakan antara penduduk terawal di pangsapuri itu, juga bimbang dengan kedudukan bangunan yang mendap. "Macam mana kalau bangunan ini bertambah mendap. Di mana saya nak tinggal. Saya hanya kerja kilang dan kena tanggung keluarga.

"Macam-macam hal yang berlaku di pangsapuri ini tetapi setakat ini masih belum ada sebarang tindakan daripada kerajaan negeri. "Saya merayu agar tindakan segera diambil sebelum perkara buruk berlaku. Ini perkara serius," tegasnya.

15/12/2008 (Isnin)

Impak Alam - Apabila bukit-bukau ditarah

Oleh WAN SHAHARA AHMAD GHAZALI shahara.ghazali@utusan.com.my



Gambar atas, SISTEM akar tunjang yang sempurna membantu tanah menyerap jumlah air yang banyak pada hujan lebat. Gambar bawah, Sebaliknya, tanah bukit yang gondol tanpa sistem akar tidak mampu menahan muatan air berlebihan dan limpahan luar biasa larian air sehingga memungkinkannya tergelongsor.

Cuba anda memandu dan perhatikan dari Hulu Selangor, Gombak dan Selayang, Cyberjaya hingga ke Sepang dan bandingkan pemandangannya dengan keadaan kira-kira 15 tahun lalu. Jika anda perasan, sepanjang laluan lebuhraya dan jalan raya utama di negeri Selangor, jelas kelihatan tiada lagi pohon-pohon hijau di sekelilingnya tetapi digantikan dengan 'hutan-hutan batu' atas nama pembangunan.

Maka tiada lagi, bukit bukau dan hutan menghijau yang mampu memberikan ketenangan kepada pemandu dan juga melindungi bumi daripada dilanda bencana seperti tanah runtuh. Tanah runtuh berlaku akibat pembangunan tanpa mengambil kira atau memahami peranan hutan dan bukit bukau sebagai kawasan tadahan hujan yang penting. Secara ringkas, kejadian tanah runtuh Bukit Antarabangsa dua minggu lepas berlaku kerana kejadian gelongsoran tanah apabila kawasan berketidapan yang telah sedia longgar tidak dapat menampung penambahan berat akibat tepu dengan air hujan.

Sokongan sistem akar

Faktor penyebab bencana itu ialah lapisan tanah yang longgar dan ketiadaan sistem akar bagi memegang partikel tanah. Ketua Bahagian Ekologi dan Akuatik, Pusat Sains Kajihayat, Universiti Sains Malaysia, Mohd. Hifni Mohd. Baharuddin, membantu wartawan Mega mempermudah

konsep ini. Katanya, hutan di kawasan bukit secara semula jadi mempunyai peranan penting sebagai kawasan tadahan hujan, manakala sistem akar tunjang yang terdapat di dalam ekosistem hutan yang sihat berfungsi memegang dan menetapkan partikel tanah untuk kukuh di tempatnya.

Dalam keadaan semula jadi, limpahan air hujan akan jatuh pada kanopi pokok terlebih dahulu, sebelum tiba dan diserap ke dalam tanah dan seterusnya mengalir melalui kitaran hidrologi yang normal. Jelas Mohd. Hifni, tanah berperanan bak 'span' yang menyerap lebih air hujan. Sistem akar tunjang dari pokok-pokok besar yang berada jauh ke lapisan tanah yang lebih dalam akan memegang 'span' tanah ini bagi membolehkannya menyimpan serta melepaskan lebih air sedikit demi sedikit.

"Oleh itu, kita dapat lihat banyak larian air yang kecil seolah-olah keluar dari mata air di kawasan bukit-bukit berhutan," terang pakar ekologi itu. Sebaliknya, tanpa hutan, kawasan tanah tinggi yang mana tanahnya terdedah tanpa akar-akar tunjang dari pokok-pokok besar, limpahan hujan lebat akan terus jatuh dalam jumlah yang besar ke atas tanah. Justeru, tanah terpaksa menyerap jumlah air yang banyak dengan segera.

'Span' tanah

"Masalahnya, partikel tanah ini telah longgar berbanding tanah yang kaya dengan sistem akar semula jadi, mengakibatkan 'span' tanah cepat menjadi tepu," tegas beliau. Tanpa sokongan daripada sistem akar, 'span' yang telah tepu itu tidak mampu menampung berat air berlebihan, lalu tergelongsor sebagai tanah runtuh. Contoh yang dipermudahkan, pertimbangkan satu keluasan dan kedalaman tertentu tanah kawasan berbukit. Selepas hujan lebat beberapa hari, tanah itu mungkin hanya mampu menampung berat partikel tanah bercampur air seberat 10 tan sahaja dan mula menggelongsor menjadi tanah runtuh.

Sebaliknya, tanah dengan keluasan dan kedalaman sama yang disokong dengan kehadiran sistem akar tunjang daripada beberapa pokok besar, mampu menyerap malahan menampung dua atau tiga kali ganda daripada berat tersebut. Inilah sebabnya bukit yang ditarah mempunyai risiko tanah runtuh yang sangat tinggi akibat lapisan tanahnya yang lebih terdedah. Selain mengawal tanah runtuh, konsep 'span' tanah dan sokongan daripada sistem akar tunjang turut berperanan mengawal limpahan air yang boleh menyebabkan banjir kilat. "Inilah sebabnya kawasan tadahan hujan amat perlu dipulihara dan dikekalkan sebagai satu entiti besar semula jadi tanpa gangguan pembangunan," jelasnya lagi.

Meliputi tanah tinggi yang ditarah dengan rumput atau tumbuhan renek (misalnya, tanaman sayur) juga tidak membantu span tanah. Ini kerana sistem akar tumbuhan sebegini hanyalah akar rerambut yang dangkal dan tidak mampu memegang lapisan tanah yang lebih dalam. Di Tanah Tinggi Cameron Highlands misalnya, hutan semula jadi boleh dikatakan hampir tidak lagi wujud ekoran terlalu banyak tarahan bukit menjadi ladang-ladang sayur.

Liputan sebegitu hanya melindungi bukit daripada hakisan akibat hujan ringan tetapi risiko tanah runtuh tetap tinggi semasa hujan lebat. Selain itu, membajak tanah untuk pertanian juga melonggarkan tanah. Justeru, Mohd. Hifni berharap supaya kawasan tanah tinggi dipulihara dan dilindungi sepenuhnya. “Lagipun, membangunkan kawasan tadahan hujan sudah tentulah berbahaya dan berisiko tinggi, jadi untuk apa membahayakan rakyat dengan mengganggu kawasan sebegini?” soal beliau.

Pendek kata, jadikanlah kejadian Bukit Antarabangsa sebagai satu pengajaran untuk kita khususnya kepada pihak-pihak yang melobi, memaju dan meluluskan projek pembangunan kawasan bukit.